

**TEKS UCAPAN**  
**YB MENTERI KERJA RAYA SEMPENA**  
**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2015**

Terima kasih Pengacara Majlis.

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Transformasi.

Y. B. Datuk Rosnah Bte Abdul Rashid Shirlin

Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Hj Akob

Ketua Setiausaha

YBrs. Tuan Hj. Sarani Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan),

YBhg. Dato' Mohd. Shafiq bin Abdullah

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan),

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abd Karim

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB),

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail Md Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM),

Dato'-dato', Datin-datin, tuan-tuan, puan-puan dan yang diraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KKR bagi tahun 2014;

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana di pagi yang mulia ini kita semua diberi kesempatan untuk bertemu dan berhimpun di **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2014.**

2. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada 866 penerima APC pada tahun ini yang terdiri daripada warga Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Semoga dengan pengiktirafan ini akan membangkitkan lagi semangat serta menjadi inspirasi untuk semua warga KKR berkhidmat dengan lebih baik.

Warga Kerja Raya yang dihormati,

## **PEKERJA HEBAT, PRESTASI MENINGKAT**

3. Tema APC pada tahun ini adalah **Pekerja Hebat, Prestasi Meningkat**. Saya percaya semua pegawai dan kakitangan yang menjadi nadi kejayaan KKR merupakan seorang pegawai yang bagus dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik. Tapi dalam lanskap

perkhidmatan awam di mana ekpektasi pelanggan tidak seperti dulu, pekerja yang bagus sahaja tidak mencukupi. Kita perlu menjadi pekerja yang hebat. Pekerja hebat adalah individu yang melaksanakan tugasnya tanpa perlu diarah atau dipantau dan berdisiplin tinggi. Mengambil inisiatif melalui idea yang kreatif dan inovatif dalam melaksanakan apa jua tugas demi matlamat organisasi. Seorang pekerja yang hebat juga akan sentiasa bertanya apa yang boleh diberi atau sumbangkan, dan bagaimana hendak mempertingkatkan prestasinya.

4. Hasil kajian oleh *Business Insider* pada tahun 2013 yang merangkumi aspek pengalaman, bakat, pengetahuan dan latihan, 10 negara yang mempunyai tenaga kerja terbaik adalah Switzerland, Finland, Singapore, Netherland, Sweeden, Germany, Norway, United Kingdom, Denmark dan Canada. Kajian juga menunjukkan kejayaan jangka panjang ekonomi sesebuah negara adalah lebih bergantung kepada kemampuan melahirkan tenaga kerja yang terbaik berbanding faktor-faktor lain. Sehubungan dengan itu, semua 1.4 juta penjawat awam perlu digembeleng untuk menjadi tenaga kerja yang hebat bagi memastikan kesinambungan ekonomi negara terutama di dalam senario ekonomi dunia yang tidak menentu pada masa ini.

5. Saya percaya majlis pada hari ini merupakan satu platform kepada KKR dalam melahirkan pekerja-pekerja yang hebat demi meningkatkan prestasi dan produktiviti kementerian dan negara amnya. Sehubungan dengan itu, dalam melahirkan pekerja yang hebat, semuanya perlu bermula dengan diri kita sendiri. Bermula dengan semua yang hadir di dalam dewan pada hari ni.

## **PENAMBAHBAIKAN PROGRAM LALUAN KERJAYA PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SKIM KEJURUTERAAN**

6. KKR amat menitikberatkan soal prestasi dan ke arah mempertingkatkan prestasi warga kementerian, kita telah memperkenalkan Program Laluan Kemajuan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan bagi semua pegawai Gred Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) A, B dan C di Jabatan Kerja Raya Malaysia pada 12 – 30 April 2015. Program yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk menilai tahap kompetensi dan potensi sebenar pegawai dan merancang aktiviti pembangunan modal insan yang bersesuaian pada masa hadapan. Program ini merangkumi empat (4) komponen utama iaitu :

- i. Sesi Interaksi;
- ii. Ujian Personaliti;
- iii. Penilaian 360 darjah; dan
- iv. Pemarkahan *Advanced Leadership and Management Programme* (ALMP) yang dianjurkan oleh INTAN dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT);

7. Bagi memastikan proses kenaikan pangkat yang telus, adil dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pemarkahan LPNT sahaja, Kementerian juga sedang merangka satu program laluan kerjaya bagi semua pegawai di gred 41 sehingga 54. Program yang dirangka adalah meliputi sesi temuduga bagi pemangkuan ke gred 44 sehingga 52. Selain itu, semua pegawai di gred 54 akan dinilai menerusi kursus kepimpinan seperti *Advanced Leadership Development and Assessment*

*Programme* (A-LEAP) yang dianjurkan oleh pihak INTAN atau kursus-kursus lain yang bersesuaian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **KEBAJIKAN PENJAWAT AWAM**

8. Semasa Hari Pekerja 1 Mei 2015 yang disambut di Sarawak baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif penambahbaikan Cuti Tanpa Rekod selama tiga hari bagi urusan kematian membabitkan ibu bapa mertua, ibu bapa angkat dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang berkuatkuasa mulai 1 Julai ini.

9. Sebelum itu pada awal tahun 2015, Kerajaan telah bersetuju menambah baik kaedah pemberian Pergerakan Gaji Tahunan bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang telah berada di tangga gaji maksimum. Pergerakan Gaji Tahunan adalah ditambah baik dengan memperuntukkan suatu kadar kenaikan gaji yang berdasarkan kepada kadar tetap 3% daripada gaji maksimum dalam JGMM 2013 sekiranya tiada apa-apa kajian semula terhadap struktur gaji. Pelaksanaan pergerakan gaji ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan dalam memastikan penjawat awam sentiasa berprestasi tinggi dan meningkatkan produktiviti.

10. Ini merupakan bukti bahawa Kerajaan sentiasa peka dan menjaga kebijakan semua pihak. Kita tidak boleh menafikan bahawa dalam perkhidmatan awam sendiri terdapat ramai kakitangan yang mahir, berkaliber dan mempunyai potensi bertaraf dunia, tetapi mereka berada

terus di takuk lama kerana merasakan soal kebajikan mereka tidak terjaga. Napoelon Bonaparte pernah mengatakan, ‘*Sebuah Tentera Bergerak di Atas Perutnya.*’ Apa yang dimaksudkan jeneral terbilang Perancis itu adalah kebajikan orang bawahan dan pekerja yang mengapungkan kejayaan sesebuah negara atau organisasi perlu diberi perhatian penting dan utama. Sehubungan dengan itu, inisiatif yang telah diluluskan dan kajian-kajian semasa yang dibuat oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam diharapkan akan menjadi pemangkin kecemerlangan semua warga KKR khususnya.

Warga Kerja Raya sekalian,

#### **RMK Ke – 11 : PERTUMBUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT**

11. Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak di Parlimen pada 21 Mei 2015 merupakan satu lagi bukti komitmen dan kesungguhan kerajaan Persekutuan dalam merangka perancangan pembangunan Negara yang bukan sahaja strategik malah memenuhi aspirasi rakyat.
12. RMK-11 ini lebih menjurus kepada “pertumbuhan berpaksikan rakyat” dan merupakan pusingan akhir (final lap) perancangan 5 tahun kerajaan sebelum kita mencapai status negara maju seperti mana yang dihasratkan dalam Wawasan 2020.
13. Dalam pembentangan tersebut, terdapat 6 strategi tumpuan dalam RMK-11 iaitu:

- i. memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama;
- ii. meningkatkan kesejahteraan rakyat;
- iii. meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju;
- iv. menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya saing;
- v. memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi; dan
- vi. merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran.

14. Bagi memastikan Enam Strategi Tumpuan RMK-11 ini berjaya mencapai matlamatnya, *game changers* berikut, akan dilaksanakan sebagai pemangkin ke arah lonjakan yang signifikan bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat secara inklusif.

- i. meningkatkan produktiviti;
- ii. menjana kekayaan melalui inovasi;
- iii. mempertingkat peratusan masyarakat kelas menengah;
- iv. menteraskan pendidikan dan latihan teknikal atau TVET ;
- v. melaksana pertumbuhan hijau; dan
- vi. melabur di bandar-bandar berdaya saing.

15. Terdapat 5 projek utama di bawah seliaan KKR dibentangkan oleh YAB. Perdana Menteri iaitu Projek Lebuhraya Pan Borneo, Projek

Central Spine Road (CSR), Lebuhraya Kota Bahru-Kuala Krai, Projek Lebu Raya Pantai Barat dan pembinaan rangkaian jalan di dalam Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. Lantaran itu, KKR perlu memastikan projek-projek ini dilaksanakan mengikut perancangan, piawaian dan standard yang ditetapkan. Kelima-lima projek ini merupakan projek pembinaan akses yang terbesar dalam RMK-11 serta dijangka akan memberi impak yang positif kepada rakyat seterusnya membuka ruang dan peluang ekonomi kepada rakyat sehinggalah kepada pemain industri pembinaan.

16. Kementerian juga akan memastikan bangunan baharu kerajaan akan menerapkan ciri dan reka bentuk hijau serta menggunakan bahan binaan yang mesra alam berdasarkan Skim Penarafan Hijau Jabatan Kerja Raya (JKR), manakala bangunan sedia ada akan *diretrofit* secara berperingkat. Ia salah satu fokus baru yang akan turut menyumbang ke arah menjamin daya tahan bangunan daripada ancaman perubahan iklim serta cuaca ekstrim.

17. KKR amat komited untuk terus melaksanakan dan memperkuuh dasar sedia ada untuk terus memartabatkan industri pembinaan serta berdaya saing di peringkat global. Kementerian percaya industri pembinaan Negara akan terus berkembang dan strategi tumpuan utama RMK-11 ini akan menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur berimpak tinggi.

## **KKR BERSAMA RAKYAT**

18. Selaras dengan visi KKR iaitu “Ke arah Kesejahteraan Rakyat” dan inisatif merakyatkan perkhidmatan awam, pelbagai program telah dilaksanakan. Di sepanjang tahun 2015, KKR telah mengadakan beberapa Program Khidmat Masyarakat iaitu di Lambir, Kuala Lawas Sarawak, Papar Sabah, Permatang Pauh Pulau Pinang, Rompin Pahang dan yang terkini di Sik Kedah. Ini merupakan rentetan daripada 4 program CSR yang telah diadakan pada tahun 2014. Antara aktiviti utama program ini adalah kerja membaikpulih dan mengecat bangunan serta membersihkan kawasan sekitar selain memberi pendedahan latihan praktikal kepada kontraktor Bumiputera dan penduduk setempat.

19. Bermula dengan misi bantuan banjir pada akhir tahun 2014, KKR juga telah meneruskan misi bantuan pasca banjir yang melibatkan semua warga kementerian/agensi, wakil korporat, PUSPANITA dan persatuan. Selain sumbangan barang dan kewangan yang diberikan kepada mangsa banjir, pasukan misi bantuan ini turut bergotong royong membersihkan rumah, sekolah dan kawasan yang terlibat.

20. Bagi Projek Pembinaan Semula Rumah Kekal untuk mangsa banjir pula, sehingga 1 Jun 2015, sebanyak 33 buah rumah telah berjaya disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan sebanyak 309 buah rumah masih dibina dan sebanyak 238 buah diperingkat Pra-Bina. Pecahan negeri bagi rumah yang telah siap dibina ialah, 11 buah di Negeri Kelantan, 14 di Pahang, 2 di Terengganu dan 6 buah di negeri Perak. Kerajaan akan terus komited untuk membantu dan berusaha menyiapkan 223 buah rumah menjelang Julai.

21. Saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat. Kerjasama dan inisiatif yang diadakan ini membuktikan bahawa KKR prihatin dengan mangsa-mangsa banjir dan aktiviti – aktiviti seperti ini juga merupakan salah satu platform merapatkan hubungan sesama kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENGURUSAN KUALITI**

22. KKR telah memperolehi persijilan semula 5S pada 14 Mei 2015 yang melibatkan semua bahagian termasuk Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan yang terletak di Presint 2, Putrajaya. Persijilan semula ini diperolehi daripada pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang telah menjalankan audit persijilan semula pada tarikh tersebut. Persijilan pada kali ini juga adalah merupakan tahun ketiga KKR diberi persijilan 5S. Tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat di atas kejayaan yang dicapai. Semoga amalan persekitaran berkualiti 5S ini terus diamalkan dan dibudayakan di dalam organisasi KKR.

23. Setinggi ucapan tahniah juga diucapkan kepada pasukan JKR Malaysia kerana berjaya meraih 2 Pingat Emas, 3 Pingat Perak dan 4 Pingat Gangsa di *26th International Invention & Innovation Exhibition* (ITEX 2015) yang berlangsung pada 21 - 23 Mei 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Kejayaan ini adalah hasil usaha yang dilaksanakan oleh para *innovator* yang terdiri daripada kakitangan

JKR dengan kerjasama Cawangan Latihan dan Inovasi JKR. Syabas sekali lagi.

## **PENUTUP**

24. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2014. Saya berharap penganugerahan ini dapat menggalakkan warga KKR dan agensi untuk terus memberikan sumbangan dan berusaha untuk mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi serta menghasilkan perkhidmatan yang terbaik. Jadikanlah penganugerahan ini sebagai motivasi untuk meneruskan kecemerlangan dan bertekadlah untuk jadi lebih cemerlang di masa akan datang.

25. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kaamatan dan Gawai terutamanya bagi Warga Kerja Raya yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.